

# BN enggan terima

5 AUG 1996

## wakil bebas: PM

**KUALA LUMPUR,** Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, Barisan Nasional tidak akan menerima calon-calon parti bebas yang menang dalam pilihanraya, walaupun mereka memohon untuk berbuat demikian.

"BN ada prinsip sendiri dan tidak akan menerima mereka," kata Perdana Menteri.

Beliau juga berpendapat, parti pembangkang kecil yang kalah teruk dalam pilihanraya kali ini patut dibubarkan saja.

Katanya, parti-parti yang ditubuhkan kerana 'kecewa' tidak akan kekal lama kerana parti-parti politik berjuang lebih daripada kepentingan itu.

Menurutnya, parti-parti kecil itu kalau menang pun tidak boleh berbuat apa-apa, apalagi untuk berkhidmat kepada rakyat.

"Parti-parti politik yang ditubuhkan kerana perasaan kecewa atau kepentingan peribadi yang lain pasti tidak akan mendapat sokongan rakyat seperti yang ditunjukkan dalam pilihanraya ini.

"Saya fikir elok sahaja parti-parti seperti itu dibubarkan," kata beliau.

Perdana Menteri menyatakan perkara

itu ketika mengulas kekalahan parti-parti pembangkang kecil seperti NasMa, Partai Sepakat Demokrat dan PSRM.

Menjawab soalan-soalan pemberita di sidang akhbar awal pagi ini di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, beliau berkata rakyat bersikap bersungguh-sungguh apabila menentukan arah politik negara.

Kerana itu, parti-parti yang ditubuhkan kerana perasaan 'kecewa' pemimpin-pemimpinnya atau kerana kepentingan peribadi tidak akan mendapat sokongan.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, BN mungkin mengkaji latar belakang calon-calon bebas yang bertanding dalam pilihanraya kali ini untuk mengetahui sama ada mereka masih menjadi ahli parti komponen Barisan Nasional.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas sama ada pihaknya sudah mengesan ada parti-parti politik tertentu menyokong calon-calon bebas yang melawan calon-calon tajaan BN.

Perdana Menteri berkata, BN akan mengkaji kenapa ada calon-calon bebas menang di kawasan-kawasan tertentu.